

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN ANYI NGAU [ BARAM ]**

**TARIKH : 09 JULAI 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 82**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan dengan terperinci dasar program pengangkutan bahan api ke sekolah-sekolah pedalaman di Sarawak serta jumlah peruntukan kewangan yang terlibat dalam tahun 2019 serta purata kos pengangkutan setiap liter bahan api.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pelan Pendidikan 2013 - 2015 dalam anjakan 6 menggariskan setiap sekolah di Malaysia, tanpa mengira lokasi, saiz atau jenis, perlu mencapai tahap keperluan infrastruktur yang minimum bagi mewujudkan persekitaran pembelajaran yang selamat, bersih, dan kondusif. Keperluan ini termasuklah akses kepada air bersih yang terawat, bekalan elektrik sekurang-kurangnya 12 jam sehari, serta kemudahan-kemudahan asas yang lain.

Antara inisiatif yang telah dilaksanakan bagi menyediakan infrastruktur bekalan elektrik kepada sekolah-sekolah luar bandar adalah penyediaan genset diesel. Inisiatif ini merupakan penyelesaian sementara sebelum sekolah-sekolah tersebut menerima bekalan elektrik daripada talian grid. Jumlah peruntukan kewangan yang terlibat dalam tahun 2019 adalah sebanyak RM30juta bagi sekolah Kerajaan dan RM5juta bagi sekolah bantuan Kerajaan (SBK) manakala purata kos setiap liter bahan api adalah RM5 termasuk kos pengangkutan.

Sekian, terima kasih. RJM 67